

BAB LIMA

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Pendahuluan

Perbincangan ini akan difokuskan bagi menjawab soalan-soalan kajian berikut:

1. Bagaimakah proses pengajaran Bacaan jawi menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi dijalankan?
2. Bagaimakah kemajuan murid-murid menguasai kemahiran membaca tulisan jawi menggunakan kaedah tersebut.

Proses Pengajaran Bacaan Jawi Menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi kata Berbantukan Huruf Rumi

Dalam proses pengajaran Bacaan jawi menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi, murid dapat menguasai kemahiran membunyikan huruf dan suku kata serta menguasai kemahiran membaca perkataan dan ayat mudah dalam satu pelajaran.

Dalam kaedah ini murid tidak perlu mengenal dan menghafal semua abjad jawi mengikut susunan daripada ‘ن . . . ’. Pada pelajaran pertama guru hanya perlu memperkenalkan bunyi huruf-huruf vokal ‘و و ي ي ’ dan memilih satu daripada huruf konsonan. Dalam langkah pengajaran ini, guru boleh menunjukkan huruf rumi yang sama bunyinya dengan huruf konsonan jawi yang baru diperkenalkan. Murid akan dapat membunyikan huruf abjad jawi tersebut dengan cepat dan betul kerana mereka telah pun mengetahui bunyi huruf tersebut dalam ejaan rumi. Setelah murid menguasai bunyi huruf dengan

betul, murid dilatih membunyikan suku kata. Dalam langkah pengajaran ini juga pengetahuan sedia ada murid-murid dalam membunyikan suku kata dalam huruf rumi boleh digunakan bagi memudahkan dan mempercepatkan murid-murid menguasai kemahiran membunyikan suku kata dalam huruf jawi. Setelah semua murid menguasai kemahiran membunyikan suku kata, mereka dilatih menggabungkan bunyi-bunyi suku kata menjadi perkataan-perkataan yang bermakna. Setelah semua murid menguasai kemahiran-kemahiran tersebut barulah murid-murid dilatih membaca ayat-ayat mudah yang dibina daripada perkataan-perkataan yang telah dipelajari. Dalam tiap-tiap langkah tersebut terdapat proses latihubi untuk menentukan murid dapat menguasai sesuatu kemahiran itu. Guru perlu memastikan setiap murid telah menguasai sesuatu kemahiran yang diajar bagi setiap langkah sebelum berpindah kepada langkah pengajaran seterusnya.

Kemahiran membunyikan huruf, suku kata dan sebutan perkataan serta membaca ayat digabungkan dalam satu pelajaran. Dengan kaedah ini, di akhir sesuatu pelajaran murid telah dapat membaca ayat-ayat mudah yang dibina daripada perkataan-perkataan yang menggunakan huruf-huruf abjad jawi yang telah dipelajari dalam pelajaran yang lepas.

Pengkaji mendapati murid-murid mudah ingat jika sesuatu suku kata-suku kata itu digabungkan menjadi perkataan-perkataan yang mereka fahami. Murid juga suka apabila guru mengaitkan perkataan atau ayat jawi yang mereka pelajari dengan perkara-perkara yang biasa mereka temui dalam kehidupan seharian mereka. Apabila murid telah boleh membaca dan memahami tulisan jawi selepas satu waktu pengajaran, mereka gembira dan merasa bacaan jawi mudah untuk dipelajari. Ini dapat meningkatkan motivasi murid untuk terus mempelajari bacaan jawi.

Aktiviti Pengajaran: Pelbagai Teknik LatihTubi

Aktiviti pengajaran yang berkesan untuk membantu murid menguasai setiap kemahiran tersebut adalah latihtubi. Teknik latihtubi perlu dipelbagaikan untuk mengekalkan minat murid sepanjang proses pengajaran tersebut. Antara teknik latihtubi tersebut ialah:

1. Guru membunyikan huruf atau suku kata dan murid-murid diminta mengikut membunyikannya beramai-ramai.
2. Setiap orang murid menyebut perkataan di papan hitam secara bergilir-gilir dengan diikuti oleh murid-murid yang lain secara beramai-ramai.
3. Murid-murid membaca ayat di papan hitam berulang kali mengikut kumpulan.
4. LatihTubi berpasangan iaitu setiap murid kumpulan A yang telah lancar membaca akan berpasangan dengan seorang murid kumpulan B yang belum lancar membaca. Murid kumpulan B akan membaca ayat berulang kali dengan dibantu oleh murid dari kumpulan A.
5. Permainan kad-kad suku kata. Guru menunjukkan kad dan murid-murid menyebutkan bunyi huruf-huruf suku kata dan perkataan yang ditunjukkan oleh guru berulang kali secara beramai-ramai dan secara perseorangan.

Murid juga boleh bermain menyusun dan mencantum kad-kad suku kata tersebut menjadi perkataan yang bermakna dan ayat-ayat mudah. Teknik latih tubi yang beragam ini dapat mengelakkan murid daripada merasa jemu dan bosan. Oleh itu mereka dapat memberi tumpuan terhadap pelajaran yang diajar sepanjang masa pengajaran 60 minit.

Perbezaan Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Jawi

Pengkaji juga mendapati murid-murid lebih menguasai kemahiran membaca jawi berbanding daripada kemahiran menulis jawi. Ini kerana lebih banyak masa diberi untuk murid dilatih menguasai kemahiran membaca huruf jawi daripada kemahiran menulis huruf jawi. Tumpuan yang diberikan oleh pengkaji adalah dalam kemahiran membaca jawi kerana pengkaji merasakan bahawa murid-murid perlu menguasai kemahiran membaca dengan baik terlebih dahulu sebelum mereka diajar kemahiran menulis. Dalam kajian ini pengkaji tidak memberi latihan yang mencukupi untuk murid membuat latihan menulis.

Dari masa ke semasa, pengkaji telah membuat penilaian terhadap kemajuan murid secara pemerhatian dan latihan lisan bagi memperbaiki penguasaan murid dalam kemahiran membaca jawi. Penilaian secara berterusan ini sangat penting sebagai asas untuk guru membuat penyesuaian bahan bacaan dan membuat latihan tambahan. Ia juga penting dalam proses pengajaran bagi mengukuhkan kemahiran membaca jawi. Pada minggu keenam, iaitu pada minggu terakhir pengkaji berada di sekolah, satu ujian bertulis telah diberikan kepada murid-murid. Ujian tersebut mengandungi empat bahagian soalan yang menguji tahap penguasaan murid-murid dalam kemahiran-kemahiran berikut:

1. Kemahiran membaca perkataan dalam ejaan jawi.
2. Kemahiran membaca ayat dalam ejaan jawi.
3. Kemahiran menulis perkataan dalam ejaan jawi.
4. Kemahiran menulis ayat dalam ejaan jawi.

Analisis ujian tersebut menunjukkan bahawa semua murid dapat membaca perkataan-perkataan jawi yang diberikan dengan betul tetapi hanya empat orang

murid sahaja yang dapat membaca ayat-ayat dalam tulisan jawi yang diberikan, empat orang lagi membaca سوک سوسو بوك بوك sebagai manakala dua orang murid lagi tidak mahu cuba membaca ayat-ayat yang diberikan walaupun sebenarnya mereka boleh membaca perkataan-perkataan yang terdapat di dalam ayat-ayat tersebut ketika dituliskan sebagai satu perkataan yang berasingan.

Ini menunjukkan bahawa semua murid telah menguasai kemahiran membaca perkataan-perkataan jawi secara terpisah-pisah tetapi empat orang murid boleh membaca perkataan-perkataan dalam bentuk ayat manakala enam orang murid lagi tidak dapat membaca perkataan-perkataan dalam bentuk ayat dengan betul. Ini mungkin kerana murid-murid tersebut belum mendapat latihan yang cukup untuk membaca perkataan-perkataan dalam bentuk ayat.

Sebagai langkah permulaan dalam melatih murid-murid membaca ayat eloklah jarak antara perkataan dalam ayat itu jelas. Ini untuk memudahkan murid-murid membaca pada peringkat awal.

Perbezaan Individu

Setelah dua waktu pengajaran Bacaan jawi dijalankan, pengkaji mendapati kemajuan murid-murid dapat dibahagikan kepada dua kumpulan, kumpulan pertama terdiri dari lima orang murid yang telah menguasai pelajaran yang telah diajar manakala kumpulan kedua terdiri dari lima orang murid yang lambat menguasai pelajaran yang telah diajar. Untuk pengajaran berikutnya pengkaji telah mengajar mengikut kumpulan. Keputusan untuk membahagikan murid-murid kepada dua kumpulan ini adalah untuk memberi tumpuan dan latihan yang lebih kepada murid-murid yang lemah disamping memberikan latihan tambahan kepada murid-murid yang lebih maju. Keputusan ini sangat perlu untuk membantu murid-murid yang lemah menguasai sesuatu kemahiran dengan

baik disamping mengelakkan murid-murid yang cerdas dari merasa bosan sehingga menimbulkan gangguan dalam kelas.

Pengkaji ingin mengesyorkan supaya guru-guru sensitif terhadap perbezaan pencapaian murid-murid dalam mempelajari Bacaan Jawi. Murid yang lemah perlu diberi perhatian dan latihltubi yang mencukupi supaya mereka dapat menguasai sesuatu kemahiran dengan baik. Murid-murid yang maju perlu diberi aktiviti dan latihan tambahan untuk memberi peluang kepada mereka mendapat pendedahan yang sesuai dengan pencapaian dan kemajuan mereka.

Pengkaji telah dapat menjalankan pengajaran secara berkumpulan mengikut tahap pencapaian yang berbeza kerana bilangan murid dalam kajian ini hanya sepuluh orang. Oleh itu murid telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan A untuk murid-murid yang lebih maju dan kumpulan B untuk murid yang lambat menguasai pelajaran yang telah diajar. Pengajaran secara berkumpulan untuk mengadakan aktiviti yang berasingan dalam kelas biasa mungkin sukar untuk dilaksanakan kerana bilangan muridnya yang ramai iaitu melebihi 40 orang. Dalam kelas biasa, guru akan memberi tumpuan yang lebih kepada golongan majoriti murid-murid yang cerdas dan sederhana manakala murid-murid yang lemah akan terus tertinggal kerana diabaikan. Oleh itu mungkin lebih baik jika murid-murid yang lemah diajar secara berasingan dalam kelas pemulihan khas Jawi oleh guru pemulihan supaya bahan yang sesuai dan latihan yang mencukupi dapat diberikan kepada murid-murid yang lemah.

Peruntukan Masa Mengajar Mata Pelajaran Jawi

Pengkaji hanya mendapat peruntukan waktu pengajaran satu jam seminggu. Ini bererti murid-murid belajar Jawi hanya sekali dalam seminggu untuk selama lima minggu. Oleh kerana tempoh masa diantara satu pengajaran dengan

pengajaran yang lain agak jauh, guru mendapati sebahagian murid, khasnya murid-murid yang lemah telah lupa pelajaran yang lepas oleh itu guru terpaksa memperuntukan masa 30 minit yang pertama untuk membuat ulangkaji dan latihan semula bagi memastikan murid-murid telah menguasai pelajaran yang lalu.

Kemahiran membaca dan menulis tulisan jawi lebih berkesan dipelajari jika diajar secara lebih kerap. Ada dua alternatif untuk mencapai tujuan ini. Pertama dengan memperuntukkan tiga waktu (30 minit untuk satu waktu) dalam seminggu dari peruntukan waktu mata pelajaran Pendidikan Islam untuk mengajar membaca dan menulis Jawi pada peringkat permulaan.

Alternatif kedua ialah dengan memberi tumpuan kepada pengajaran Jawi terlebih dahulu untuk selama satu semester yang pertama menggunakan waktu mata pelajaran Pendidikan Islam. Setelah murid-murid menguasai kemahiran membaca jawi barulah mata pelajaran Pendidikan Islam diajarkan. Ini akan membolehkan murid-murid lebih bersedia untuk mempelajari Pendidikan Islam kerana mereka telah boleh membaca buku teks Pendidikan Islam yang dicetak dalam ejaan jawi. Ini juga akan dapat memudahkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam seterusnya. Ini dapat meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.

Kesimpulan

Setelah pengkaji menjalankan pengajaran Bacaan Jawi menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi selama lima minggu, pengkaji mendapati bahawa bacaan jawi adalah mudah dipelajari oleh murid-murid yang cerdas dan murid-murid yang lemah. Ini kerana pada akhir setiap pelajaran kedua-kedua golongan murid ini boleh membaca perkataan dan ayat

jawi yang telah dipelajari. Ini juga membuktikan bahawa Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi dengan menggunakan bahan pengajaran yang terancang dan sistematik sesuai digunakan untuk mengajar Bacaan Jawi di peringkat awal. Penggunaan ejaan huruf rumi juga dapat membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca jawi dengan mudah dan cepat.

Cadangan Untuk kajian Lanjutan

Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa murid-murid telah dapat menguasai kemahiran membaca jawi dengan mudah dalam masa yang singkat. Walau bagaimanapun pengkaji tidak dapat menunjukkan kelebihan-kelebihan kaedah ini berbanding dengan kaedah-kaedah yang lain kerana batasan dalam kajian ini, iaitu pengkaji hanya mengajar menggunakan kaedah ini tanpa membuat perbandingan dengan kaedah-kaedah yang lain. Untuk melihat kekuatan dan kelemahan kaedah ini berbanding kaedah-kaedah yang lain secara lebih mendalam satu kajian perbandingan menggunakan kaedah teknik eksperimen boleh dilakukan.

Pengkaji hanya dapat mengajar menggunakan kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi kepada satu kumpulan murid selama lima jam sahaja. Oleh itu dapatannya sangat terhad untuk pengkaji membuat satu generalisasi terhadap penggunaan kaedah ini. Bagi mendapatkan data yang lebih terperinci suatu ‘staggered case study’¹ tentang penggunaan kaedah Gabungan

1. Menurut Walker D. F. (1992) 'Staggered Case Studies' ialah satu kajian program jangka panjang yang dijalankan secara berperingkat-peringkat. Dalam kaedah kajian ini pengkaji menggunakan dua kumpulan pelajar untuk mengikuti program yang sama. Pengajaran

Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi dalam mengajar bacaan jawi boleh dilakukan.

dalam kumpulan pertama dimulakan beberapa minggu lebih awal daripada kumpulan kedua; semua masalah dan kelemahan yang telah dikenalpasti semasa pengajaran kumpulan pertama akan diatasi dan dibetulkan dalam pengajaran kumpulan kedua. Semua pembetulan tersebut akan dinilai semula.